

14 AUG 1998

Mahathir-China

PENURUNAN NILAI RENMINBI TIDAK MENYEBABKAN KESAN SERIUS, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika China menurunkan sedikit nilai mata wangnya, renminbi, ia tidak akan memberi kesan yang besar kerana perbezaan dalam kadar pertukaran kini tidak begitu ketara

" Situasi itu sekarang berbeza berbanding setahun lepas. Setahun lepas, jika China menurunkan nilai mata wangnya, ia akan membawa kesan yang serius. Tetapi hari ini, kerana nilai mata wang lain telah menyusut terlalu banyak, jika nilai renminbi turun sedikit, ia tidak akan memberi kesan yang besar kepada kita," kata beliau dalam temuramah dengan agensi berita China, Xinhua, yang disiarkan hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas kekhuatiran di pasaran akan kemungkinan nilai renminbi diturunkan.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana sehingga ini China tidak menurunkan nilai mata wangnya itu.

Beliau juga menyatakan kebimbangannya mengenai sama ada China boleh terus bertahan terhadap tekanan untuk menurunkan nilai mata wangnya, khususnya dengan nilai mata wang Jepun yang jatuh sejak kebelakangan ini.

Mengenai bagaimana beliau membayangkan hubungan China-Malaysia di abad akan datang, Dr Mahathir berkata: " Saya rasa ia terus baik. Sekarang ini ia baik. Kita mempunyai perbezaan pendapat yang sangat sedikit dan tidak masuk campur dalam hal ehwal dalaman satu sama lain. Perdagangan dan kerjasama ekonomi akan terus berkembang. Lebih banyak pelaburan akan dibuat di kedua-dua negara."

Bagi pembangunan masa depan dalam hubungan dua hala antara China dan Malaysia, Dr Mahathir berkata minat kedua-dua negara ialah dalam bidang ekonomi.

" Kita mahu melabur lebih banyak di China dan kita mahu China melabur di sini. Kita mesti tingkatkan perdagangan antara kedua-dua negara dan kita perlu saling bekerjasama memandangkan tahun-tahun yang sukar di hadapan."

Perdana Menteri berkata, Malaysia gembira kerana China sebuah negara yang stabil.

" Saya rasa kestabilan China sangat penting bukan sahaja bagi negara itu sendiri tetapi juga bagi seluruh rantau. Jadi saya harap walaupun anda menjadi sebuah negara demokrasi, ini tidak harus membawa ketidakstabilan bagi China," katanya.

Mengenai alaf akan datang, beliau sekali lagi menyatakan harapannya yang alaf baru itu akan turut membawa kemakmuran ke seluruh dunia.

Merujuk kepada kemelut ekonomi di Asia kini, beliau berkata dunia akan memasuki alaf baru dengan ekonomi yang buruk.

"Dahulunya saya menaruh harapan tinggi yang ia (abad ke 21) akan membawa kemakmuran kepada seluruh dunia. Saya tidak percaya dengan apa yang dipanggil sebagai Abad Asia. Saya ingat akan ada Abad Dunia tetapi sekarang ini saya tidak pasti."

Diminta memberi pandangan mengenai perubahan besar yang beliau rasa akan berlaku dalam struktur kuasa dunia di abad akan datang, Dr Mahathir berkata akan terdapat struktur kuasa pelbagai di dunia.

Beliau berkata, dunia akan dikuasai oleh "kuasa-kuasa tertentu" tetapi mereka akan gagal kerana pusat-pusat kuasa lain akan muncul termasuk China.

China, kerana saiz dan kapasitinya akan menjadi kuasa dunia dan akan mengimbangi kuasa-kuasa lain. Akan terdapat struktur kuasa pelbagai, katanya.

Dr Mahathir juga bersetuju yang Jepun akan menjadi satu daripada kuasa besar di abad akan datang.

Ditanya bagaimana Asean boleh dibangunkan di abad akan datang, beliau berkata Asean akan bersatu.

" Kita akan belajar daripada satu sama lain dan akan saling membantu untuk memajukan diri dan dengan itu kita boleh jadi pasaran yang baik bagi diri sendiri dan seluruh dunia," kata beliau.

Tetapi Dr Mahathir berkata, beliau tidak percaya Asean akan menjadi kuasa besar di abad akan datang "kita negara-negara yang kecil. Tetapi kita boleh menstabilkan rantau ini", katanya.

-- BERNAMA

AU PR